



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JTW 113/JTW 114 – Prinsip Perakaunan Kewangan**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH DUA (22)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan **Bahagian A** di atas borang OMR. Jawab **Bahagian B** di atas **buku jawapan** yang disediakan.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Bahagian A diperuntukkan 60 markah dan Bahagian B diperuntukkan 40 markah.

**BAHAGIAN A [60 markah]**

1. Setiap urusan direkod sekurang-kurangnya dalam dua akaun berlainan, satu akaun didebitkan dan satu akaun dikreditkan untuk mematuhi prinsip \_\_\_\_\_.  
  - A. Keseimbangan
  - B. Catatan Bergu
  - C. Pemindahan Jurnal ke Lejar
  - D. Ketekalan
  
2. Manakah merupakan kombinasi **BENAR** untuk lejar aset semasa?  
  - A. Akaun Komisen Diterima Terdahulu dan Akaun Modal.
  - B. Akaun Insuran Terdahulu dan Akaun Bank.
  - C. Akaun Tunai dan Akaun Belum Bayar.
  - D. Akaun Hasil Terakru dan Akaun Kenderaan.
  
3. En. Sukiman mendepositkan RM20 000 ke dalam Akaun Bank Perniagaan Sukiman untuk menambah modal perniagaan.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga ini dalam buku Perniagaan Sukiman?

	DEBIT	RM	KREDIT	RM
A.	Akaun Semasa	20 000	Sukiman	20 000
B.	Bank	20 000	Akaun Semasa	20 000
C.	Tunai	20 000	Modal	20 000
D.	Bank	20 000	Modal	20 000

4. Manakah catatan Jurnal Am yang **BENAR** untuk urusan berikut:

'Pada 1 Ogos 2017, kenderaan bernilai RM70 000 dibeli daripada Syarikat Aatoria secara kredit'.

	Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A.	1 Ogos 2017	Belian Kenderaan	70 000	70 000
B.	1 Ogos 2017	Sykt. Aatoria Belian	70 000	70 000
C.	1 Ogos 2017	Sykt. Aatoria Kenderaan	70 000	70 000
D.	1 Ogos 2017	Kenderaan Sykt. Aatoria	70 000	70 000

5. Pilih padanan yang **BENAR**.

Padanan	Jenis Kesilapan	Keterangan
i.	Kesilapan songsang	Catatan bergu telah diterbalikkan
ii.	Kesilapan komisyen	Catatan debit dan kredit dicatat dalam akaun yang salah walaupun jenis akaun adalah betul
iii.	Kesilapan prinsip	Urusniaga dicatat dalam akaun yang salah

- A. i dan ii sahaja  
 B. ii dan iii sahaja  
 C. iii sahaja  
 D. i, ii dan iii
6. Manakah antara berikut dikategorikan sebagai liabiliti semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- i. Sewa dibayar terakru.  
 ii. Sewa diterima terakru.  
 iii. Sewa dibayar terdahulu.  
 iv. Sewa diterima terdahulu.
- A. i dan ii sahaja  
 B. i dan iv sahaja  
 C. ii dan iii sahaja  
 D. iii dan iv sahaja
7. Maklumat berikut diperolehi daripada Imbangan Duga Perniagaan Syukur pada 31 Disember 2017.

Butir	RM
Perabot	80 000

Perabot disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Perabot dibeli pada 1 Oktober 2017.

Berdasarkan maklumat di atas, catat manakah yang **BENAR** dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

A. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Aset Bukan Semasa	RM
Perabot	80 000
(-) Susut nilai terkumpul	8 000
	<u>72 000</u>

B. Penyata Kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017

Aset Bukan Semasa	RM
Perabot	80 000
(-) Susut nilai terkumpul	2 000
	<u>78 000</u>

C. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Aset Bukan Semasa	RM
Perabot	80 000
(-) Susut nilai terkumpul	10 000
	<u>70 000</u>

D. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Aset Bukan Semasa	RM
Perabot	80 000
	<u>80 000</u>

8. Faedah atas ambilan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi adalah \_\_\_\_\_.

- A. faedah yang perlu dibayar oleh perkongsian kerana ambilan pekongsi mengurangkan untung perkongsian
- B. faedah yang perlu dibayar oleh perkongsian kerana pekongsi mengambil tunai atau barang daripada perkongsian
- C. faedah yang akan diterima oleh pekongsi kerana mengambil tunai atau barang daripada perkongsian
- D. faedah yang perlu dibayar oleh pekongsi kerana mengambil tunai atau barang daripada perkongsian

9. Manakah **BENAR** tentang Akta Perkongsian 1961?
- i. Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal.
  - ii. Semua pekongsi tidak berhak menerima gaji, elaun atau bonus.
  - iii. Semua pekongsi tidak dibenarkan menerima bayaran faedah atas modal.
  - iv. Semua pekongsi tidak boleh mengambil bahagian dalam pengurusan firma.
- A. i dan ii sahaja
  - B. i dan iv sahaja
  - C. ii dan iii sahaja
  - D. iii dan iv sahaja
10. Manakah maklumat yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Pasarmaya Amin & Tina?
- i. Untung bersih
  - ii. Ambilan pekongsi
  - iii. Modal pekongsi
  - iv. Akaun semasa pekongsi
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iv
  - D. iii dan iv
11. Jumlah aset untuk sebuah perniagaan ialah RM42 000 dan baki akaun belum bayar ialah RM6 800. Dalam proses realisasi, semua aset direalisasikan sebanyak RM35 000 dan pemiutang dijelaskan sebanyak RM5 800. Belanja realisasi ialah RM1 200. Hitungkan rugi realisasi.
- A. RM6 800
  - B. RM7 900
  - C. RM28 000
  - D. RM7 200
12. Manakah antara berikut direkod sebagai liabiliti semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A. Sewa belum bayar dan Bank.
  - B. Pinjaman bercagar dan Overdraf.
  - C. Hasil Terdahulu dan Akaun Belum Bayar.
  - D. Ambilan dan Belanja Susutnilai.

13. Maklumat berikut diperolehi daripada Penyata Kedudukan Kewangan Kedai Kekal Hebat pada 31 Disember 2017.

	RM
Modal Awal	15 000
Modal Akhir	12 000
Modal Tambahan	5 000

Diberi ambilan tunai sebanyak RM3 000, kira untung atau rugi pada 31 Disember 2017.

- A. Rugi RM8 000  
 B. Rugi RM5 000  
 C. Untung RM8 000  
 D. Untung RM5 000
14. Manakah catatan bergu yang **TIDAK BENAR** untuk setiap urusan di bawah?

	Urusniaga	Debit	Kredit
i.	Bayar Perniagaan Segaria dengan cek	Akaun Bank	Akaun Jualan
ii.	Belian secara kredit daripada Perniagaan Fauzan	Akaun Belian	Akaun Belum Terima
iii.	Bayar gaji secara tunai	Akaun Tunai	Akaun Belanja Gaji
iv.	Beli perabot secara tunai	Akaun Perabot	Akaun Tunai

- A. i dan ii sahaja  
 B. i, ii dan iii sahaja  
 C. ii dan iv sahaja  
 D. i, iii dan iv sahaja
15. Maklumat berikut dipetik dari buku rekod perakaunan Perniagaan Baju Unggul pada bulan Disember 2017.

	RM
Baki awal Akaun Belum Bayar	10 800
Belian Tunai	13 380
Pulangan Keluar	825
Diskaun diterima	450
Baki akhir Akaun Belum Bayar	11 850

Berapakah amaun tunai dibayar kepada pemiutang jika belian kredit pada sepanjang tahun 2017 ialah RM8 040?

- A. RM5 715
- B. RM7 365
- C. RM7 440
- D. RM11 055

16. Maklumat berikut dipetik dari Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Mercu Juara pada 31 Disember 2017.

Baki Lejar	RM
Perabot	7 800
Stok	5 080
Akaun Belum Terima	8 600
Bank	2 400
Akaun Belum Bayar	7 680

Kira modal kerja.

- A. RM19 400
- B. RM3 600
- C. RM8 400
- D. RM6 240

17. Berikut adalah petikan maklumat Penyata Pendapatan.

Butir	RM
Komisen diterima	450
Faedah atas pinjaman	240
Gaji	4 300
Utiliti	760
Insuran	480

Diberi untung bersih ialah RM29 980. Kira untung kasar.

- A. RM35 760
- B. RM35 310
- C. RM40 640
- D. RM30 460

18. Rekod di bawah adalah catatan dalam Jurnal Am.

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2017		RM	RM
Jun 25	Akaun Perabot	2 000	
	Akaun Tunai		2 000
	(membeli perabot secara tunai)		

Apakah catatan yang perlu direkodkan ke dalam lejar pada tarikh tersebut?

- A. 

Akaun Perabot	
Tunai	2 000

Akaun Tunai	
Perabot	2 000
- B. 

Akaun Tunai	
Perabot	2 000

Akaun Perabot	
Perabot	2 000
- C. 

Akaun Perabot	
Tunai	2 000

Akaun Tunai	
Perabot	2 000
- D. 

Akaun Perabot	
Belian	2 000

Akaun Belian	
Perabot	2 000

19. Pilih rumus yang **BENAR** berdasarkan prinsip pemadanan hasil dan belanja?

- A. Jumlah hasil sebenar = Hasil yang diterima – Hasil terdahulu
- B. Jumlah hasil sebenar = Hasil yang diterima – Hasil terakru
- C. Jumlah belanja sebenar = Belanja yang dibayar + Belanja terdahulu
- D. Jumlah belanja sebenar = Belanja yang dibayar – Belanja terakru

20. Berikut adalah maklumat berkaitan Jentera XY. Susutnilai menggunakan kaedah garis lurus.

Tarikh beli	1 Julai 2016
Harga Kos	RM50 000
Usia guna	10 tahun
Nilai skrap	RM10 000



Apakah Peruntukan Susutnilai Jentera XY yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

- A. RM4 000
- B. RM6 000
- C. RM8 000
- D. RM38 000

21. Manakah antara berikut **BENAR** mengenai belanja belum bayar?

- i. Belanja yang perlu dibayar sepanjang tempoh perakaunan.
  - ii. Ditunjukkan sebagai liabiliti semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
  - iii. Tidak dilaporkan dalam Penyata Pendapatan.
  - iv. Diselaras dengan menambah kepada belanja yang telah dibayar.
- A. i, ii dan iii sahaja
  - B. ii, iii dan iv sahaja
  - C. i, iii dan iv sahaja
  - D. i, ii dan iv sahaja

22. Pilih catatan bergu yang **BENAR** untuk catatan pemindahan Susut Nilai Terkumpul Jentera ke Akaun Pelupusan Jentera.

	Debit	Kredit
A.	Akaun Jentera	Akaun Susut Nilai Terkumpul Jentera
B.	Akaun Pelupusan Jentera	Akaun Susut Nilai Terkumpul Jentera
C.	Akaun Susut Nilai Terkumpul Jentera	Akaun Jentera
D.	Akaun Susut Nilai Terkumpul Jentera	Akaun Pelupusan Jentera

**Soalan 23 hingga 27, adalah berdasarkan maklumat berikut;**

Maklumat berikut dipetik daripada buku rekod perakaunan perniagaan Teras Kukuh pada 31 Disember 2017.

Perkara	RM	Perkara	RM
Bangunan	80 000	Kenderaan	36 000
Susutnilai Terkumpul Kenderaan	5 220	Stok Akhir	10 800
Akaun Belum Terima	11 200	Peruntukan Hutang Lapuk	560
Bank	17 050	Tunai	980
Insuran Terdahulu	1 200	Modal Awal	97 270
Untung Bersih	25 480	Ambilan	600
Pinjaman Jangka Panjang	20 000	Akaun Belum Bayar	9 300

23. Berapakah nilai bersih aset bukan semasa?
- A. RM30 780
  - B. RM110 780
  - C. RM110 000
  - D. RM116 000
24. Berapakah nilai bersih aset semasa?
- A. RM40 670
  - B. RM10 640
  - C. RM20 130
  - D. RM22 000
25. Berapakah modal akhir?
- A. RM122 750
  - B. RM122 150
  - C. RM96 670
  - D. RM151 450
26. Berapakah jumlah liabiliti?
- A. RM19 300
  - B. RM29 300
  - C. RM28 900
  - D. RM9 300
27. Berapakah angka keseimbangan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017?
- A. RM150 450
  - B. RM151 450
  - C. RM110 450
  - D. RM122 450

28. Puan Rohaya mengambil alih kenderaan bernilai RM35 000 apabila Perkongsian Rohaya & Johan dibubarkan. Manakah catatan di Jurnal Am yang **BENAR** untuk urusan tersebut.

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A.	Modal Rohaya Realisasi	35 000	35 000

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
B.	Kenderaan Realisasi	35 000	35 000

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
C.	Realisasi Kenderaan	35 000	35 000

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
D.	Realisasi Modal Rohaya	35 000	35 000

29. Syarikat Global Nature menerbitkan saham biasa untuk dilanggan oleh orang ramai. Semua saham telah dipohon dan dibayar penuh.

Apakah catatan bergu yang **BENAR**?

	Debit	Kredit
i.	Akaun Bank	Akaun Permohonan Saham Biasa
ii.	Akaun Modal Saham Biasa	Akaun Bank
iii.	Akaun Permohonan Saham Biasa	Akaun Bank
iv.	Akaun Permohonan Saham Biasa	Akaun Modal Saham Biasa

- A. i dan ii sahaja  
 B. i dan iv sahaja  
 C. ii dan iii sahaja  
 D. iii dan iv sahaja
30. Manakah persamaan yang **BENAR** untuk mengira untung rugi bagi perniagaan yang menyimpan rekod tidak mengikut sistem catatan bergu.
- A.  $\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} + \text{Ambilan} - \text{Modal awal} - \text{Modal tambahan}$   
 B.  $\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} + \text{Modal awal} - \text{Modal tambahan} - \text{Ambilan}$   
 C.  $\text{Untung bersih} = \text{Modal awal} + \text{Modal tambahan} + \text{Ambilan} - \text{Modal akhir}$   
 D.  $\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} + \text{Modal tambahan} - \text{Ambilan} - \text{Modal awal}$

31. Pada 30 April 2017, iaitu pada akhir tempoh perakaunan, maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan yang tidak menggunakan sistem catatan bergu:

	1 Mei 2016	30 April 2017
Belanja utiliti terakru	RM120	RM120

Pada sepanjang tempoh perakaunan tersebut, belanja utiliti yang dibayar ialah RM180.

Berapakah belanja utiliti bagi tahun berakhir 30 April 2017?

- A. RM60
  - B. RM180
  - C. RM300
  - D. RM240
32. Berikut adalah petikan Penyata Pendapatan Perniagaan Restoran Sungai Seri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Jualan	90 400
Tolak : Kos Jualan	?
Untung Kasar	?
Tolak : Belanja Operasi	7 800
Untung Bersih	?

Kira Untung Kasar bagi tahun 2017 jika peratus untung bersih atas jualan ialah 20%.

- A. RM10 280
  - B. RM18 080
  - C. RM25 880
  - D. RM33 680
33. Pilih hasil bukan operasi bagi Perniagaan Smart Tech and Electronics.
- i. Jualan rak pameran lama
  - ii. Jualan sebuah komputer pintar yang baharu
  - iii. Dividen pelaburan saham
  - iv. Jualan alat penyaman udara
- A. i dan ii sahaja
  - B. ii dan iv sahaja
  - C. i dan iii sahaja
  - D. iii dan iv sahaja

34. Pilih padanan yang **BENAR**.

	Keterangan	Item
i.	Sewa belum diterima	Aset semasa
ii.	Pinjaman Jangka Panjang	Liabiliti bukan semasa
iii.	Akaun Inventori	Aset semasa
iv.	Utiliti terakru	Liabiliti semasa

- A. i dan ii sahaja
- B. i, ii dan iii sahaja
- C. ii, iii dan iv sahaja
- D. i, ii, iii dan iv sahaja

35. Pengiraan untung kasar tidak melibatkan \_\_\_\_\_.

- A. Pulangan jualan
- B. Cukai atas belian
- C. Belanja am
- D. Angkutan masuk

36. Manakah butiran yang hanya direkodkan dalam Penyata Bank tetapi tidak ditunjukkan dalam buku tunai perniagaan.

- i. Pindahan Kredit
- ii. Dividen Pelaburan
- iii. Faedah atas overdraf
- iv. Deposit belum dikreditkan

- A. i, ii dan iii sahaja
- B. i, ii dan iv sahaja
- C. i, iii dan iv sahaja
- D. ii, iii dan iv sahaja

**Soalan 37 dan 38 berdasarkan maklumat berikut;**

Perkara	RM
Aset	72 400
Liabiliti	30 000
Modal Awal	40 000
Untung Bersih	2 600
Ambilan	200

37. Berapakah modal akhir?

- A. RM42 400
- B. RM42 600
- C. RM42 800
- D. RM39 800

38. Jika aset semasa adalah 30% daripada jumlah aset dan liabiliti semasa adalah 50% daripada jumlah liabiliti, berapakah modal kerja?
- A. RM6 720  
B. RM6 400  
C. RM21 720  
D. RM15 000
39. Kegunaan Nota Debit yang dihantar oleh penjual kepada pembeli ialah:
- i. Pembeli diberi diskaun, elaun atau komisen.  
ii. Invois berkurangan catat kerana kesilapan pengiraan.  
iii. Faedah yang dikenakan kerana pembeli lewat menjelaskan bayaran.  
iv. Catatan seperti caj angkutan dan belanja pos tertinggal dalam invois.
- A. i, ii dan iii sahaja  
B. i, ii dan iv sahaja  
C. i, iii dan iv sahaja  
D. ii, iii dan iv sahaja
40. Maklumat berikut diberi:

Butiran	RM
Jumlah faedah atas modal pekongsi	2 500
Untung bersih	23 060
Jumlah faedah atas ambilan pekongsi	120
Gaji pekongsi	5 000
Pembahagian untung pekongsi A dan pekongsi B adalah sama rata	

- Berapakah untung diagih kepada pekongsi?
- A. RM11 530  
B. RM23 060  
C. RM7 840  
D. RM23 180
41. Maklumat berikut diberi.
- Akaun ini menunjukkan tuntutan firma perkongsian terhadap pekongsi dan tuntutan pekongsi terhadap firma perkongsian
- Akaun di atas merujuk pada:
- A. Akaun Modal Pekongsi  
B. Akaun Pengasingan Untung Rugi  
C. Akaun Realisasi  
D. Akaun Semasa Pekongsi

42. Manakah urus niaga yang dicatat dalam Jurnal Khas?
- A. Pemilik membuat ambilan tunai.
  - B. Kenderaan terpakai dijual secara kredit.
  - C. Beli perabot untuk kegunaan di pejabat.
  - D. Pelanggan memulangkan barang niaga yang rosak.
43. Manakah urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Pembayaran Tunai?
- i. Membeli barang niaga berjumlah RM7 000 secara tunai.
  - ii. Membawa masuk tunai RM6 000 ke dalam akaun bank perniagaan sebagai modal.
  - iii. Jelaskan hutang kepada pemiutang RM3 000 dan terima diskaun sebanyak RM100.
  - iv. Pinjaman diterima daripada bank berjumlah RM7 000
- A. i dan ii sahaja
  - B. i dan iii sahaja
  - C. ii dan iv sahaja
  - D. iii dan iv sahaja
44. Diberikan maklumat berikut:

Butiran	RM
Modal sebelum untung diambil kira	20 000
Modal selepas untung diambil kira	32 000
Ambilan	8 000
Modal Tambahan	2 000

Berapakah untung bersih?

- A. RM18 000
- B. RM22 000
- C. RM28 000
- D. RM10 000

45. Apakah urus niaga yang berlaku pada 30 November 2017 dalam Buku Tunai di bawah?

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank	
2017			RM	RM	2017			RM	RM	
Nov. 30	Tunai	/		600	Nov. 30	Bank	/	600		

- A. Pemindahan wang tunai daripada bank perniagaan ke bank pemilik.  
 B. Pemindahan wang tunai daripada bank pemilik ke bank perniagaan.  
 C. Pemindahan wang tunai daripada pejabat perniagaan ke bank perniagaan.  
 D. Pemindahan wang tunai daripada bank perniagaan ke pejabat perniagaan.
46. Kedai Perdana memberikan maklumat seperti berikut:

2017				RM
Mei 20	Membeli barang niaga daripada Saleh secara kredit			3 500
31	Menjelaskan hutang kepada Saleh dengan cek			3 250
	Menerima diskaun			250

Bagaimanakah urus niaga pada 31 Mei 2017 dicatat dalam Buku Tunai?

A.

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2017		RM	RM	RM	2017		RM	RM	RM	
Mei 31	Saleh	250		3 500						

B.

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2017		RM	RM	RM	2017		RM	RM	RM	
Mei 31	Saleh	250		3 250						

C.

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2017		RM	RM	RM	2017		RM	RM	RM	
					Mei 31	Saleh	250		3 500	

D.

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2017		RM	RM	RM	2017		RM	RM	RM	
					Mei 31	Saleh	250		3 250	



47. Maklumat berikut dipetik daripada buku akaun Perniagaan Seri Indah pada bulan September 2017.

	RM
Baki awal penghutang	3 720
Baki akhir penghutang	4 560
Bayaran oleh penghutang (termasuk hutang lapuk terpulih RM180)	11 760
Pulangan Jualan	520

Hitung jumlah jualan kredit untuk bulan tersebut.

- A. RM11 260  
 B. RM12 940  
 C. RM16 660  
 D. RM19 520
48. Maklumat berikut dipetik daripada Imbangan Duga Perniagaan Cahaya@Penang pada 31 Disember 2017.

	RM
Modal	9 705
Kenderaan	10 000
Akaun Belum Terima	6 800
<b>Akaun Belum Bayar</b>	<b>?????</b>
Jualan	24 500
Belian	20 150
Diskaun diterima	80
Gaji	600
Pulangan jualan	335

Hitung nilai Akaun Belum Bayar.

- A. RM41 085  
 B. RM37 885  
 C. RM10 000  
 D. RM3 600
49. Manakah antara berikut merupakan **kesilapan ketara** dalam Imbangan Duga?
- A. Promosi RM3 000 tersilap rekod dalam Akaun Belanja Pengiklanan.  
 B. Akaun Angkutan Keluar dan Akaun Faedah Diterima terlebih catat sebanyak RM330.  
 C. Jualan kepada Syarikat Fatimah berjumlah RM850 tersalah rekod dalam Akaun Syarikat Fatma.  
 D. Pembayaran sewa dikreditkan dalam Buku Tunai dan Akaun Sewa Diterima.

50. Seorang kerani akaun telah membuat kesilapan berikut.

Pulangan belian daripada Perniagaan Makmur sebanyak RM300 telah dikreditkan dalam Akaun Perniagaan Maqmur.

Bagaimanakah catatan bergu untuk pembetulan kesilapan?

	Debit	Kredit
A.	Perniagaan Makmur RM300	Perniagaan Maqmur RM300
B.	Perniagaan Makmur RM600	Perniagaan Maqmur RM600
C.	Perniagaan Maqmur RM300	Perniagaan Makmur RM300
D.	Perniagaan Maqmur RM600	Perniagaan Makmur RM600

51. Pilih padanan yang **BENAR**.

	Lejar	Baki di Imbangan Duga
i.	Sewa dibayar terdahulu	debit
ii.	Komisen diterima terakru	debit
iii.	Faedah diterima terdahulu	kredit
iv.	Sewa terakru	debit

- A. i, ii dan iii sahaja  
 B. ii, iii dan iv sahaja  
 C. i, ii dan iv sahaja  
 D. i, ii, iii dan iv

Soalan 52 dan 53 berdasarkan maklumat berikut:

Sebuah kenderaan berkos RM150 000 telah dibeli pada 1 Julai 2017. Kenderaan disusutnilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

52. Berapakah jumlah susutnilai terkumpul pada 31 Disember 2018?

- A. RM21 750  
 B. RM30 650  
 C. RM29 000  
 D. RM29 700

53. Berapakah nilai buku kenderaan pada 31 Disember 2017?

- A. RM142 500  
 B. RM135 000  
 C. RM128 250  
 D. RM120 000

54. Manakah **BENAR** tentang debentur?

- i. Bon yang tidak ada jaminan dalam bentuk aset.
  - ii. Satu janji bertulis untuk membayar jumlah prinsipal pada satu masa tertentu.
  - iii. Satu janji bertulis untuk membayar faedah atas prinsipal pada kadar tertentu untuk jangka masa tertentu.
  - iv. Satu liabiliti kepada penerbit debentur.
- A. i, ii dan iii sahaja
  - B. ii dan iii sahaja
  - C. ii, iii dan iv sahaja
  - D. i, ii, iii dan iv

55. Pilih padanan yang **BENAR**.

	Dokumen Sumber	Buku Catatan Pertama
A.	Nota Debit (salinan)	Jurnal Belian
B.	Invois (salinan)	Jurnal Jualan
C.	Invois (asal)	Jurnal Pulangan Belian
D.	Nota Kredit (asal)	Jurnal Pulangan Jualan

56. Ahmad merupakan rakan kongsi Perniagaan A & B. Ahmad memberikan pinjaman kepada Perniagaan A & B sebanyak RM40 000.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2017

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belanja faedah atas pinjaman MARA	2 000	

# Faedah atas pinjaman rakan kongsi ialah 8% setahun.

Pilih catatan yang **BENAR** untuk faedah atas pinjaman.

	Debit	RM	Kredit	RM
A.	Akaun Untung Rugi	3 200	Akaun Semasa Ahmad	1 200
B.	Akaun Pengasingan	3 200	Akaun Semasa Ahmad	3 200
C.	Akaun Pengasingan	3 200	Akaun Semasa Ahmad	1 200
D.	Akaun Untung Rugi	2 000	Akaun Semasa Ahmad	2 000

57. Perkara yang berlaku semasa pembubaran perkongsian ialah \_\_\_\_\_.

- i. aset bukan semasa dijual
  - ii. modal pekongsi dibayar balik
  - iii. hutang kepada semua akaun belum bayar dihapuskan
  - iv. untung atau rugi perkongsian dibahagikan mengikut nisbah modal
- A. i dan ii sahaja
  - B. i dan iii sahaja
  - C. ii dan iv sahaja
  - D. iii dan iv sahaja

58. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Julang Mega.

Belanja gaji bulanan yang perlu dibayar ialah RM10 000. Pada 31 Disember 2017, jumlah gaji yang telah dibayar untuk sepanjang tahun ialah RM100 000.

Manakah padanan yang **BENAR** untuk perbelanjaan gaji pada akhir tempoh perakaunan.

	Penyata Kedudukan Kewangan	Penyata Pendapatan
A.	RM10 000	RM100 000
B.	RM100 000	RM10 000
C.	RM100 000	RM120 000
D.	RM20 000	RM120 000

59. Penyata Penyesuaian Bank di bawah dipetik dari Perniagaan Bakti Alam.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2018

	RM
Baki debit di buku tunai	5 180
Tambah : <b>X</b>	<u>320</u>
	5 500
Tolak : <b>Y</b>	<u>250</u>
Baki kredit di Penyata Bank	<u>5 250</u>

Apakah **X** dan **Y**?

	X	Y
A.	Deposit belum dikreditkan	Dividen atas pelaburan
B.	Cek belum dikemukakan	Faedah atas overdraf
C.	Faedah atas simpanan	Pindahan kredit
D.	Buku cek	Caj bank

60. Kedudukan kewangan Perkongsian Ani dan Ana pada 31 Disember 2017 ialah seperti berikut.

Untung bersih	RM18 940
Modal Ani	RM45 000
Modal Ana	RM15 000
Faedah atas modal ialah 5% atas modal	
Pembahagian untung ialah mengikut nisbah modal	

Kira untung bahagian Ani?

- A. RM11 955
- B. RM13 080
- C. RM14 205
- D. RM16 455

### BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab di atas buku jawapan yang disediakan.

Baki-baki lejar daripada buku perakaunan Perniagaan Puncak Ulung pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut. Kedudukan baki lejar adalah seimbang. Baki akaun modal tidak diberikan.

	RM
Modal	X
Ambilan	7 000
Bangunan	150 000
Kelengkapan	20 000
Susut nilai terkumpul kelengkapan	2 000
Stok Awal	20 000
Belian	130 000
Cukai atas belian	6 500
Jualan	260 000
Gaji	24 000
Insuran	8 000
Pulangan belian	5 000
Utiliti	18 000
Belanja Am	5 000
Pinjaman Jangka Panjang	50 000
Akaun Belum Bayar	40 000
Akaun Belum Terima	20 000
Bank	70 000
Tunai	14 500

Maklumat Tambahan:

- (i) Stok pada 31 Disember 2017 sebanyak RM13 600.
- (ii) Belanja belum bayar: Gaji-Bonus (RM2 000), Utiliti (RM750).
- (iii) Belanja insuran untuk tempoh 1 Feb 2017 hingga 31 Jan 2018.
- (iv) Ambilan tunai oleh pemilik RM800 belum direkod.
- (v) Kelengkapan disusut nilai pada kadar 10% setahun, kaedah garis lurus.
- (vi) Kenderaan dibeli pada 1 Julai 2017, kadar susutnilai 10%, kaedah garis lurus

**SEDIAKAN;**

- (a) Catatan jurnal pelarasan untuk maklumat tambahan. (10 markah)
- (b) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. (20 markah)
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017. (10 markah)